

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 19 RABU 10HB. MEI 1972 1392 ربيع الاول 26 PERCHUMA

D. Y. M. M. SERU PEGAWAI2 DI-DAERAH2 SUPAYA SENTIASA MELAWAT KA-PENDALAMAN

TUTONG. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyeru pegawai2 yang bertugas di-berbagai daerah supaya selalu mengadakan lawatan ka-kampung2 dan pendalaman.

Baginda bertitah bahawa Pejabat2 Daerah hendaklah mengusahakan lawatan2 itu dengan satu rombongan yang mengandungi dan di-wakili oleh sa-berapa banyak jabatan2 yang lain khas-nya yang rapat hubungan-nya dengan kehidupan orang2 di-kampung2 dan pendalaman.

Baginda telah bertitah demikian apabila baginda merasmikan pembukaan pejabat baru Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Tutong pada hari Sabtu lepas.

Pegawai2 Kerajaan Baginda yang bertugas di-daerah2 ada-lah sa-harus-nya mempunyai hubungan rapat dengan raayat dan penduduk2 di-daerah2 masing2 dan sa-harus-nya mengetahui akan keadaan, bukan sahaja di-bandar2 bahkan keadaan di-luar2 bandar dan pendalaman dalam daerah itu.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh dan Awang Haji Abdullah bin Metassan bagi pihak Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah juga berucap di-upacara itu.

Sa-lepas majlis pembukaan itu baginda dengan di-iringi oleh para jemputan telah berangkat mengunjungi bangunan itu.

Bangunan tersebut telah di-bena dengan perbelanjaan kira2 \$375,000.00.

Di-antara yang hadir di-majlis pembukaan itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, ahli2 majlis meshuarat dan Pegawai2 kanan kerajaan.

Titah Baginda sa-terus-nya ada-lah seperti berikut:

Alhamdulillah, shukur terhadap Allah Subhanahu Wataala di-atas limpah kurnia-nya, kita dapat berkumpul dalam majlis ini. Selawat serta salam kepada Junjangan Nabi Mohammad s.a.w. berserta dengan pengikut2 baginda yang setia semua-nya.

Beta sangat-lah bersyukur di-atas selamat terbenanya sa-buah Pejabat Ugama di-Daerah Tutong ini dan sesuai dengan apa yang di-ranchangkan supaya di-tiap2 daerah di-dirikan Pejabat Ugama-nya yang tersendiri.

Beta sangat-lah mengambil berat di-atas perkembangan Ugama di-negeri ini, kerana sa-bagai Ketua Ugama Rasmi di-negeri ini, beta ada-lah bertanggung-jawab mengenai-nya. Kerana itu-lah beta meneruskan hasrat dan chita2 Paduka Ayahanda beta-pada membanyakan penuntut2 yang menuntut Pelajaran Ugama sa-chara men-dalam supaya dapat mencapai kelulusan2 yang tinggi dalam bidang tersebut, kerana ada-nya orang2 yang sa-demikian yang di-lateh supaya laila berkaulahan menurut sopan santun, tingkah kelailaan orang2 Brunei asli, laila sejati bagi memancarkan panchir keturunan yang baik dan berke-bajikan. Insha Allah, akan dapat-lah di-laksanakan dengan sem-purna-nya.

Ugama Islam, Ugama Rasmi bagi Negeri Brunei ia-itu Ugama Islam menurut Ahlul Sunnah Wal-Jamaah, tetapi ugama2 yang lain boleh-lah di-amalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkan-nya.

Beta di-fahamkan ada-nya pengembang2, konon-nya sa-bagai persekutuan yang berchorak ke-ugamaan dalam Daerah Tutong ini, tetapi Alhamdulillah, beta di-fahamkan pengembang2 yang sa-demikian sudah dapat di-atasi oleh kegiatan pegawai2 Pejabat Hal-Ehwal Ugama.

Oleh yang demikian, pada pendapat beta, semua pegawai2 yang bertugas di-daerah2 hendak-lah senantiasa berkerjasama dalam semua hal bagi menjayakan hasrat dan chita2 Kerajaan beta yang halal laila berkebakikan.

Kerjasama itu, umpama-nya, pada selalu mengadakan lawatan ka-kampung2 dan pendalaman ada-lah mustahak di-usahakan oleh Pejabat2 Daerah supaya rombongan tersebut sa-berapa yang boleh mengandungi dan di-wakili oleh sa-berapa banyak jabatan2 yang lain, khas-nya jabatan2 yang sangat rapat hubungan-nya dengan kehidupan orang2 di-kampung dan pendalaman.

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. ketika bertitah bagi merasmikan pembukaan bangunan Jabatan Hal-Ehwal Ugama di-Tutong. Sedang duduk mendengarkan titah Baginda itu ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan.

RAAYAT HARUS PUNYAI SIFAT2 YG. SA-JAJAR DGN. KEMAJUAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kekayaan sa-sabua negara baik di-segi infrastruktur-nya mahu pun di-segi bahan2 asli seperti minyak tidak-lah akan menjamin kemajuan sa-sabua negara itu jika raayat-nya sendiri tidak mempunyai sifat2 yang sa-jajar dengan kemajuan.

Sifat2 yang sa-jajar dengan kemajuan itu ia-lah sifat2 yang lurus dan sifat2 yang di-redhai oleh Allah.

Demikian menurut Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa dalam ucapan-nya di-perasmian pasokan kadet sempena sokan tahunan yang ke-VI Sekolah Menengah Melayu SMJA dalam satu upacara di-padang sekolah itu pada hari Khamis lepas.

Beliau menekankan peri mustahak-nya faktor manusia dalam kemajuan negara menilik kepada pengalaman2 negara2 yang maju dan negara2 yang sedang membangun.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja telah menarek perhatian kepada beberapa perkembangan yang telah berlaku sejak beberapa tahun sa-lepas perang dunia yang ke-dua.

Kata beliau, kita melihat bagaimana negara2 yang telah hanchor lebor latar belakang ekonomi-nya sekarang mara lagi ka-hadapan sa-bagai negara2 yang kukuh sekali kedudukan ekonomi mereka di-dunia ini.

Di-samping itu, kata beliau, kita juga dapat melihat bagaimana negara2 yang sedang membangun mempergiatkan lagi usaha2 mereka untuk me-

(Lihat muka 8)

PELAJARAN DEWASA DI-BRUNEI

— oleh Umar Muhammad

MENGENAI dengan perkara pertama ia-lah Pengertian Pelajaran Dewasa — Pengertian Pelajaran mengikut seperti yang terchatet dalam kamus; sa-suatu yang dipelajari atau yang diajarkan itu ia-lah Pelajaran. Dewasa mempunyai salah satu daripada pengertian-nya ia-lah cukup umur atau akil baligh.

Jadi jika di-chantumkan kembali kedua2 perkataan itu menjadi-lah "Pelajaran Dewasa" seperti yang di-maksudkan oleh tajok cheramah ini yang bermaksud Pelajaran untuk orang2 yang telah dewasa (akil baligh). Sa-orang Pakar dalam hal Pelajaran Dewasa baru2 ini telah melawat beberapa buah negeri2 Asia termasuk Brunei, dan sa-masa beliau berada di-Brunei sempat pula memberi cheramah kepada Pegawai2 Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran Dewasa, beberapa orang pemimpin belia dan sa-bahagian dari guru2 kelas dewasa. Sa-bahagian dari cheramah-nya itu telah membicarakan tentang pengertian dan tujuan Pelajaran Dewasa, yang mengikut beliau, kebanyakan orang2 tersalah faham akan pengertian dan tujuan Pelajaran Dewasa. Di-sa-tengah negeri2 Afrika dan juga di-negara2 lain kebanyakan bijak pandai, guru2 dan ahli2 politik menganggap bahawa Pelajaran Dewasa ia-lah bertujuan untuk mengajar sa-sa-orang membaca dan menulis, tetapi tujuan ini hanya-lah sa-bahagian kecil dari pengertian Pelajaran Dewasa. Sa-bahagian negara lain di-Asia menganggap bahawa Pelajaran Dewasa ia-lah untuk mengajar orang2 yang sudah dewasa untuk lulus peperiksaan seperti yang di-perolehi oleh kanak2 atau penuntut2 sekolah atau maktab, ini katanya penting, tetapi ini ada-lah juga sa-bahagian kecil sahaja dari Pelajaran Dewasa. Ada juga orang berpendapat, bahawa Pelajaran Dewasa ia-lah untuk orang2 yang tidak berpelajaran seperti mereka, untuk orang2 miskin dan orang2 jahil, dan ini juga sa-bahagian kecil daripada Pelajaran Dewasa. Kalau kebenaran sa-penoh2-nya di-bentangkan, bahawa Pelajaran Dewasa ia-lah pelajaran untuk semua orang2 dewasa dan pertumbuhan individu bagi sa-tiap orang, setelah mereka meninggalkan bangku sekolah atau maktab atau pun university. Pelajaran Dewasa ia-lah pengajaran dewasa bagi tiap2 makhlok sehingga habis hayat-nya, tanpa mengindahkan peringkat pelajaran yang di-perolehi-nya dahulu. Pelajaran Dewasa ia-lah pelajaran berterusan bagi awda dan juga bagi diri saya dan saterus-nya bagi semua orang. Saya gambarkan Pelajaran

SEIAK mula tertubuh-nya Pelajaran Dewasa di-negeri ini telah banyak memberikan peluang belajar di-kalangan rakyat yang tidak hanya sa-takat dalam pemberantasan buta huruf, tetapi juga bidang2 pelajaran yang lebih luas dari itu.

Pelajaran Dewasa di-negeri ini memberikan kesempatan yang ke-emasan bagi bekas pelajar2 yang tidak berjaya meneruskan pelajaran sa-waktu di-bangku sekolah. Mereka yang mengikuti pelajaran2 dewasa itu sa-bahagian-nya telah mendapat kejayaan sa-hingga kepada sijil2 yang tertentu.

Dari rancangan pelajaran dewasa ini, maka amat jelas betapa besar guna-nya kepada semua rakyat yang ingin menambatkan ilmu pengetahuan dalam berbagai2 bidang.

Dalam pada itu, kita perlu mengetahui dengan lebih luas lagi berhubung dengan pelajaran dewasa tersebut dari pengertian-nya hingga-lah kepada rancangan2 dan pelaksanaan pentadbiran-nya.

Kerana itu, kita rasa bahawa ada-lah amat berguna untuk menyiarkan kembali sa-buah cheramah dalam Kursus Guru2 Besar dan Penolong Guru2 Besar Sekolah2 Melayu dalam bulan lalu.

Cheramah itu dengan lebih luas telah menyentuh mengenai Pelajaran Dewasa tersebut yang di-sampaikan oleh Penyusun Pelajaran Dewasa sendiri, Awang Umar Muhammad seperti yang di-siarkan berikut ini. — Pengarang.

Dewasa sa-bagai suatu badan yang terator untuk membantu orang2 dewasa yang mahukan pelajaran sama ada pelajaran itu di-perlukan bagi diri mereka atau mereka ingin mempelajari-nya. Ini berarti, Pelajaran Dewasa bukan sahaja pelajaran di-bilik darjah yang kita katakan, Pelajaran Dewasa ia-lah berbentuk cheramah dan kuliah, ia-nya juga termasuk pelajaran melalui pos, pelajaran teknikal, pelajaran melalui poster2. Ia-nya juga termasuk dalam kerja jawatan kuasa dan projek2 kebajikan masyarakat, perpustakaan dan radio. Ia-nya juga termasuk kerja sukarela, pementasan, muzium, dan pertandingan2 menari, Pelajaran dewasa meliputi semua bidang yang membantu sama ada lelaki mau pun perempuan berfikir dan berperasaan lebih efektif lagi.

Saya tidak-lah bermaksud hendak menambah akan pengertian dan tujuan Pelajaran Dewasa seperti yang telah dinyatakan. Walau bagaimana pun pengertian yang di-berikan ini ada-lah di-harapkan sedikit sa-banyak telah di-fahami oleh awda sakalian. Dimasa2 yang lalu, dan juga di-negeri2 yang lain, pengertian itu juga berlainan, tetapi pengertian yang sademikian ada-lah mengikut pertumbuhan dan perkembangan di-tempat itu, maksud saya perkembangan2 pelajaran-nya. Maka dari pengertian2 yang dinyatakan tadi mari-lah kita meneliti akan bahagian2 Pe-

lajaran Dewasa yang juga bahagian2 itu nanti sedikit sa-banyak akan menyentuh perkara2 yang telah pun di-nyatakan dalam pengertian dan tujuan Pelajaran Dewasa.

Daripada pengertian (definisi) yang telah di-nyatakan tadi, "Pelajaran Dewasa" ini boleh-lah di-bahagikan kepada empat bahagian, ia-itu:-

- I. Pelajaran Dewasa Formal (Formal Adult Education)
- II. Pelajaran Dewasa Asas (Fundamental or Basic Adult Ed.)
- III. Pelajaran Dewasa Liberal (Liberal Adult Education)
- IV. Pelajaran Dewasa Teknikal (Technical Adult Education)

Yang di-katakan Pelajaran Dewasa Formal ini atau bahasa Inggeris-nya Formal Adult Education, ia-lah Pelajaran yang biasa di-pelajari oleh kanak2 atau belia2 di-Sekolah2, atau Sekolah2 Menengah dan sa-terus-nya University. Kadang2 ada sa-tengah negeri2 juga mengatakan atau di-sebut Pelajaran Lanjutan (Further Education) — Di-negeri2 yang berkembang maju biasa-nya mempunyai sekolah2 kerajaan yang terator untuk kanak2 dan belia2-nya, meliputi beberapa tahun di-sekolah2 rendah dan di-ikuti Pelajaran Menengah dan saterus-nya persediaan untuk

memasuki University, dan Maktab Technology. Dan dari satu masa kepada satu masa akan di-tetapkan atau di-tentukan oleh Peperiksaan Awam dan penerimaan sijil2 atau tauliah2. Dengan kertas sijil2 atau tauliah ini-lah Kerajaan atau majikan2 menilai kebolehan dan kecherdekan mereka, sa-terus-nya pengambilan bekerja atau kenaikan pangkat atau gaji. Oleh kerana keperluan yang di-nyatakan ini besar erti-nya, maka ada-lah menjadi tanggung jawab Pelajaran Dewasa untuk mengadakan pelajaran yang sa-umpama itu dan memberikan peluang untuk mendapatkan kertas yang sa-umpama itu (maksud saya sijil2 tauliah) dengan jalan meneruskan pelajaran seperti bentuk pelajaran kanak2 dan belia2 di-Sekolah2 dan Sekolah2 Menengah sa-terus-nya Persediaan untuk memasuki University.

Usaha yang sa-umpama ini banyak sekarang di-jalankan di-kelas2 petang (Evening Class) dan di-tambah pula dengan pelajaran melalui pos, seperti yang telah di-nyatakan dalam pengertian Pelajaran Dewasa tadi.

Pelajaran Dewasa Formal ini-lah yang banyak di-adakan di-negeri2 membangun, dan mungkin akan di-adakan berterusan selagi ketiadaan peluang dan kekurangan bentuk pelajaran bagi kanak2, dan sa-lagi chepat bertambah-nya keramaian penduduk dan penghargaan nilai kertas sijil yang tersebut untuk mendapatkan sa-suatu kerja, baik dari kerajaan di-negeri itu mau pun dari majikan2.

Pelajaran Dewasa Asas ini mudah-lah kita mengenal-nya, kerana perkataan asas atau basic itu menunjukkan permulaan, sama-lah juga seperti kanak2 di-tentukan belajar dalam Pelajaran Rendah sebelum memasuki sekolah menengah. Pelajaran2 yang biasa terkandung dalam Pelajaran Dewasa Asas ini ada-lah seperti Kelas Dewasa Memberantas Buta Huruf ia-itu bagi membolehkan mereka belajar membaca dan menulis. Kelas yang sa-umpama ini-lah yang di-katakan menjadi pokok pangkal untuk mencapai pengetahuan yang lain, seperti kata orang bijak pandai; Pandai membaca dan menulis ia-lah kunci Ilmu Pengetahuan asas ia-itu pandai membaca dan menulis akan membolehkan gulungan orang2 dewasa untuk mengambil kesempatan bagi mendapatkan pelajaran yang lain yang di-adakan.

Tentu-lah kurang berkesan sekira-nya pelajaran itu hanya dengan di-perkatakan sahaja.

(Lihat Muka 6)

ISLAM ada-lah ugama persaudaraan dan perdamaian, sebab itu umat Islam ada-lah di-wajibkan bersaudara, berbaik2 dan hidup rukun damai antara satu dengan lain-nya.

Sejarah telah membuktikan kejayaan umat Islam yang berpegang tegoh dengan ajaran Allah dan Rasul-nya pada masa sahabat2 Nabi Mohamad s.a.w. dan beberapa abad kemudian-nya.

Umat Islam pada masa itu berada dan dudok di-dalam kemuliaan, kejayaan dan kemajuan, baik kemajuan dalam lapangan ugama, ekonomi, kenegaraan, begitu juga dalam lapangan ilmu pengetahuan, sa-hingga umat Islam di-masa itu ada-lah di-kagumi dan ditauladani oleh umat2 lain. Yang demikian itu telah diterangkan oleh Allah dalam Quran dengan firman-nya yang bermaksud:

"Ada-lah kamu sa-baik2 umat yang telah terbentok di-tengah masharakat dunia untuk memimpin manusia ia-itu kamu menyuruh dengan membuat kebajikan dan melarang daripada membuat kejahatan dan kamu beriman kepada Allah".

Sa-lepas zaman ke-emasan Islam tersebut sampai-lah zaman ini umat Islam tidak lagi sa-kuat itu berpegang dengan ajaran Allah dan Rasul-nya. Akibat-nya umat2 Islam

ISLAM, UGAMA PERSAUDARAAN DAN PERDAMAIAN



KHUTBAH JUMA'AT

bukan hanya dudok dalam keadaan perpechahan tetapi juga mengalami berbagai2 penderitaan yang di-timbulkan oleh musuh2 Islam.

Dan yang lebeh malang-nya lagi ada sa-bahagian umat Islam sendiri sudah hampir kehilangan keperchayaan terhadap kesuchian dan keagongan Islam. Hal ini ia-lah di-sebabkan kerana umat2 Islam itu berada dalam keadaan

Akibat yang di-timbulkan oleh kekaguman itu antara-nya ada sa-tengah2 umat Islam yang di-hinggapi oleh penyakit jiwa ia-itu perasaan rendah diri dan kehilangan keperchayaan terhadap Islam sa-bagai ugama yang boleh membawa umat2-nya ka-merchu kejayaan dan kemajuan. Dengan adanya penyakit jiwa itu ada sa-bahagian-nya pula bertindak sa-olah2 tidak memperdulikan

"Lari dari ugama bukan-lah merupakan jalan untuk mengatasi kelemahan dan kemunduran"

yang lemah dan berpechah belah, lemah dalam bidang ekonomi, lemah dalam bidang ilmu pengetahuan dan lemah dalam bidang sains dan teknologi, sedangkan umat2 lain terus maju dalam lapangan2 tersebut sa-hingga umat Islam sudah demikian kagum dengan kemajuan2 pesat mereka.

ajaran2 ugama Islam, malah-an ugama itu menurut anggapan mereka hanya-lah untuk upacara menjalankan akad nikah, penyempurnaan orang mati dan sa-bagai-nya sahaja, manakala urusan2 lain saperti memajukan taraf hidup dan memajukan negara dalam sa-genap bidang tidak-lah terma-

sok dakam urusan ugama Islam.

Lari dari ugama bukan-lah merupakan jalan untuk mengatasi kelemahan dan kemunduran itu, sa-balek-nya jika kita berkehendakkan supaya kita berjaya menchapai ketinggian dan kemuliaan serta kemajuan, maka kita mesti-lah kembali kepada ajaran2 Islam yang sa-benar-nya.

Kembali-lah kepada ugama Allah dan ikuti-lah perintah-nya, jauhi-lah daripada segala perkara yang boleh menimbulkan perselisihan faham permusuhan sa-sama sendiri.

Firman Allah Subhanahu-wataala dalam Quran yang bermaksud:

"Berpegang tegoh-lah kamu sekalian dengan ugama Allah, jangan-lah kamu berpechah belah, ingat-lah kurnia Allah yang di-limpahkan-Nya kepada kamu ketika kamu bermusoh2an dahulu-nya, maka di-per-satukan-nya hati kamu dan jadi-lah kamu bersaudara dengan nikmat-nya".

Dan firman-nya lagi yang bermaksud:

"Sesungguh-nya orang2 mu'min itu bersaudara, sebab itu perdamaian-lah antara dua orang saudara, dan takut-lah kamu kepada Allah, mudah2an kamu ber-oleh rahmat-Nya".

Bersama2-lah kita berdo'a, memohon dan minta kepada Allah Subhanahu-wataala mudah2an segala usaha yang di-jalankan atau akan di-jalankan untuk menghubungkan kembali tali persaudaraan Islam yang telah renggang sekian lama itu di-berkati Allah dan berakhir dengan kejayaan yang gemilang.

Siswa2 Brunei di-U.M. dapat Serjana Muda Sastera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang bekas penuntut Maktab SOAS telah lulus pengajian mereka dari Universiti Malaya baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Abu Bakar bin Haji Apong mendapat ijazah Serjana Muda Sastera kepujian kelas dua-rendah dan Awang Alidin bin Othman mendapat ijazah Ser-

jana Muda Sastera bahagian 'am dalam pengajian Melayu.

Sementara itu, dua orang lagi bekas penuntut Maktab SOAS telah lulus dengan mendapat Diploma Pertanian dari Maktab Pertanian Malaya, di-Serdang, Malaysia Barat baru2 ini.

Mereka ia-lah Awang Salleh bin Omar dan Awangku Ibra-

him bin Pengiran Mohamad Salleh.

Ini ia-lah kali pertama Kerajaan Brunei menghantar anak2 tempatan mengikuti kursus di-maktab itu dengan mendapat sijil Diploma Pertanian.

Beberapa orang lagi akan di-hantar mengikuti kursus di-maktab itu dalam bulan Jun tahun ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10hb. Mei, 1972 hingga ka-hari Selasa 16hb. Mei 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
10hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
11hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
12hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
13hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
14hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
15hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
16hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Chedera akibat letupan di-rumah pangsa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang lelaki telah mendapat chedera ringan dan sa-orang perempuan berumur 68 tahun di-rawat kerana ter-peranjat akibat berlaku-nya satu letupan di-salah sa-buah blok rumah pangsa di-Jalan Padang, Bandar Seri Begawan dalam minggu lepas.

Ketiga orang itu sedang berada di-sa-buah blok lain apabila sa-buah tangki gas meletup terus terbakar. Mereka telah chedera akibat serpehan chermin tingkap yang telah pecah.

Penghuni2 rumah pangsa itu tidak ada di-rumah semasa tangki gas itu meletup.

Dua buah kereta bomba dari

Bandar Seri Begawan telah berkejar ka-tempat kejadian itu dan berjaya mengatasi kebakaran itu dalam beberapa minit saja.

Kerosakan yang di-lakukan akibat kebakaran itu di-anggarkan berjumlah lebeh dari sa-ribu ringgit.

Pengawal Bomba, Awang E.C.G. Simpson menasihatkan suri2 rumah tangga yang menggunakan gas untuk memasak supaya menutup kunchi gas mereka apabila tidak di-gunakan.

Beliau juga menasihatkan mereka supaya memeriksa dan mengganti bahagian2 dapur gas mereka yang mungkin telah rosak.

(10hb. Mei, 1972.)

LAWATAN2

KA-PENDALAMAN

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bertitah bahawa pegawai2 Kerajaan haruslah mengadakan lawatan2 selalu ke-kampung2 dan pendalaman bagi mengetahui lebih dekat lagi akan keadaan di-situ.

Di-samping lawatan itu bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan Kerajaan Baginda dengan suasana di-pendalaman, ia-nya juga dengan sa-chara langsung akan dapat mengatasi jika timbul sangkaan2 yang penduduk2 di-pendalaman itu dalam keadaan yang terasing.

Baginda bertitah bahawa pegawai2 Kerajaan Baginda yang bertugas di-daerah2 sa-harus-nya mempunyai hubungan rapat dengan rayat dan penduduk di-daerah masing2 dan sa-harus-nya mengetahui akan keadaan, bukan saja di-bandar2 bahkan keadaan di-luar2 bandar dan pendalaman dalam daerah mereka.

Hal ini ada-lah merupakan salah satu tanggung-jawab yang penting yang di-pikul oleh pegawai2 Kerajaan dalam daerah2 di-negeri ini bagi tujuan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk2 dalam bidang2 yang tertentu, sesuai dengan dasar Kerajaan Baginda untuk meningkatkan darjah penghidupan rayat yang tidak terhad yang duduk di-bandar2 sahaja.

Penduduk2 di-pendalaman, terutama yang sukar dan menghadapi beberapa kesulitan untuk berhubung dengan bandar adalah sukar untuk meluluskan diri mereka dari beberapa kepayahan dan mereka juga memerlukan bantuan2 yang wajar sa-bagai rayat negeri ini.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa memikirkan perkara2 kebajikan untuk rayat yang menyusur hingga ke-kampung2 pendalaman terutama-nya di-bidang2 yang di-perlukan untuk hidup.

Rancangan2 lawatan yang di-maksudkan Baginda itu harus di-ator dengan lebih cher-mat lagi supaya tanggung-jawab2 Kerajaan terhadap pendalaman tidak akan berchichir-an dan menimbulkan beberapa sangkaan yang tidak di-kehendaki. Kerajaan hanya mengetahui bahawa dasar yang berke-bajikan itu dapat di-sempurnakan dengan baik-nya dan hal ini harus di-saibangkan oleh pegawai2 yang melaksanakan hasrat itu supaya ia-nya dapat di-laksanakan dengan sempurna juga.

Pada masa ini ada-lah di-yakini bahawa kepayahan untuk sampai ke-kampung2 pendalaman tidak akan timbul memandangkan kepada kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Baginda. Chuma barangkali yang timbul ia-lah soal masa-nya sahaja. Itu pun jika kemudahan, seperti pesawat helikopter AMDB dan lain2-nya, tidak mempunyai masa yang kosong.

Tetapi sa-bagai tanggung-jawab, maka apa perkara pun harus di-laksanakan, kerana Kerajaan Baginda hanya tahu yang dasar-nya telah dapat di-jalankan, dan terpulang-lah kepada kita untuk mengusahakannya sa-bagai orang2 yang diperchayai.



Gambar atas menunjukkan Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa memotong tali yang di-ikuti dengan satu letupan bagi memrasikan upacara perasmian pasukan kadet dan sokan tahunan sekolah Menengah Melayu SMJA.



Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja di-iringi oleh Guru Pandu Puteri SMM, SMJA, Che'gu Siti ketika memeriksa perbarisan pasukan itu. Yang Memakai pakaian tentera ia-lah Pengiran Md. Yunus, bakal Leftenan Muda pasukan kadet yang memerintah perbarisan di-upachara itu.



Yang hadir di-upachara itu, sa-lain dari kakitangan Kerajaan, Pegawai2 Jabatan Pelajaran dan ketua2 kampung, termasuk juga guru2 sekolah. Gambar menunjukkan sa-bahagian dari yang hadir di-upachara itu.

PERASMAN PASOKAN KADET SEMPENA SOKAN TAHUNAN

S. M. M. S. M. J. A.

SATU upacara perasmian Pasukan Kadet Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah di-langsungkan di-Padang SMJA pada hari Khamis lepas bersempena dengan sambutan Sokan Tahunan sekolah itu bagi kali yang ke-Enam.

Penasehat Umum Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Utama Awang Isa telah merasmikan upacara itu.

Di-samping membuat ucapan khas, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja juga telah memeriksa perbarisan pasukan Kadet itu dan seters-nya memeriksakan perbarisan pasukan2 pandu puteri, kelab2 dan ahli2 sokan sekolah itu.

Beliau juga membuat tabek kehormatan apabila perbarisan itu berjalan lalu yang di-ikuti oleh pasukan Kadet sekolah itu dengan iringan lagu2 mach dari perbarisan Askar Melayu Diraja Brunei.

Pasukan Kadet juga telah mempertunjukkan perbarisan berkawat yang kemudian di-ikuti pula oleh pertunjukkan Platoon Meriam Katak AMDB yang di-tubuhkan oleh chawangan.

Pasukan Kadet sekolah itu telah di-tubuhkan oleh chawangan khas AMDB di-bawah pimpinan Mejar Yusof bin Md. Said dalam pertengahan bulan Januari tahun lalu. Ahli2 pasukan itu mengandungi saramai 30 orang yang terdiri dari penuntut2 tingkatan satu hingga lima.

Pasukan itu pertama kali-nya di-perkenalkan kepada ramai pada 7hb. April tahun lepas semasa Sokan Tahunan sekolah tersebut dan kemudian-nya ikut serta dalam perbarisan puja usia D.Y.M.M. di-Padang Besar, Bandarlampur, Sarawak dalam bulan Julai, 1971, dan menunjukkan perbarisan yang baik.

Sa-lain dari mendapatkan latihan di-bawah pengawasan dan bimbingan di-dalam dewan serima padang, pasukan itu juga telah mengambil bahagian dalam pertandingan perbarisan dalam negeri dan luar negeri.

Empat orang anggota pasukan kadet itu telah pun menjadi latehan2 tertentu untuk bertugas sebagai pegawai bagi pasukan tentera akan menerima tauliah Leftenan Muda.

Mereka itu ia-lah Pengiran Md. Yunus bin Pengiran Hassan, Awang Masni bin Haji Md. Awang Mohammad bin Ali, Yassin dan Awang Ali bin Kh. Haji Alihussein.

Di-temasha sokan yang sa-bagai2 achara telah di-ambil bahagian oleh pasukan itu.

Gambar2 di-halaman ini memperlihatkan suasana perasmian pasukan kadet dan sokan tahunan SMM.

Masnah Alim dari Rumah Jong Batu yang memenangi tempat kedua dalam lumba lari 100 meter perempuan. (Gambar 10).

Gambar bawah ia-lah perbarisan dari ahli2 Kelab Senam SMJA.



Pondok pasukan dari Rumah Jong Batu yang di-bentok seperti sa-buah Jong. Pondok ini mendapat nombor empat dalam perlantikan kechantean pondok pasukan.



Pondok pasukan sokan dari Rumah Pulau Chermin yang mendapat tempat ke-dua dalam perlantikan kechantean pembentokan pondok.



Gambar di-atas ia-lah perbarisan pasukan sokan dari Rumah Lumut Lunting, sementara di-bawah-nya ia-lah perbarisan ahli2 bagi Kelab Ilmu Alam yang di-tubuhkan di-sekolah Menengah Melayu SMJA.



Pemenang lumba lari 100 meter di-menangi oleh Sahari Lakim dari rumah Lumut Lunting sedang di-ikuti oleh pemenang yang ke-2, Samud Dato Marsal dari Rumah Jong Batu.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 13/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kechi bte. Jais, d/a. Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Nassir bin Sahat @ Mohammad Nasir yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 14/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Rosli Aziz bin Abg. Hj. Ghazalli, d/a. Kampong Kuala Tutong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohammad Amin bin Abg. Hj. Ghazalli yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 15/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chang Huat Jong, d/a. Kampong Petani, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Chok Seng Yick yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 16/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdullah bin Sahari, d/a. Balai Pulis Diraja, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sarih bin Taha @ Sahari yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 17/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Kalus bte. Assia @ Siti Alam, d/a. Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yahya bin Taha @ Assia yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 18/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Radin Mas Basiuni bin P.D.L.S. Di-Raja Awang, d/a. Kampong Suran, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh P.D.L.S. Di-Raja Dato Setia Awang bin Hj. Hanafi yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 19/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Safiah bte. Sahat, d/a. Kampong Keriang, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Salamah bte. Enche @ Inche yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 20/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Norsiah bte. Awang Tarikh @ Dayang, d/a. No. 5, Batu 5, Jalan Pasir, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Abu Bakar bin Ibrahim yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 11 haribulan Mei, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan April, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

PELAJARAN DEWASA DI-BRUNEI

(Dari Muka 2)

Saterus-nya, Pelajaran Dewasa Asas ini juga termasuklah mengenai hal2 berkaitan dengan masyarakat dan perkembangan sosial, seperti mengenalkan idea2 baru dan chara2 penyusunan baru. Barangkali bidang yang sa-umpama ini tentu akan membawa kesulitan; Pertama tidak ada bentuk sa-suatu pelajaran awal atau asas yang akan diikuti. Kedua, kerana mereka mungkin tidak mempunyai pelajaran yang formal (seperti yang di-perkatakan dalam Pelajaran Dewasa Formal) dan selalu-nya tidak bagitu mengalami apa2 perubahan pun dan ini menjadikan mereka terlalu konsektif dan hendaklah di-beri pengakuan, yang di-perkenalkan itu adalah untuk kebaikan. Pelajaran yang terkandung dalam bidang ini umpama-nya mengena dengan kesihatan, yang akan mengenalkan bagaimana chara menchegeh penyakit2, menjaga kebersihan diri sendiri dan orang ramai, juga kebersihan di-sekitar.

Di-rumah pula dengan peralihan bentuk dalam keluarga seperti bagaimana chara2 mengurus rumah (termasuk m e n j a g a kebersihan-nya), menghias rumah, makanan dan pelajaran anak2. Kemudian disegi ekonomi, bagaimana chara bertani yang m o d e n (baru), penyusunan d a n chara pasaran dan perniagaan baru dan kecekapan chara pengeluaran hasil yang baru. Barangkali bolehlah kita masukkan di-lapangan politik dengan chara pemikiran dan penyesuaian yang baru sa-umpama

ma membangkitkan perasaan dan tanggungjawab kepada kerajaan dan chara2 perwatakan (expression) politik baru.

Kesemua bidang yang telah di-nyatakan itu ada-lah asas yang kuat bagi masyarakat y a n g moden yang akan mengambil tempat-nya di-dunia moden ini — Pelajaran Asas ini meliputi perkara2 yang perlu untuk pembangunan satu2 masyarakat dan Pelajaran Dewasa ada-lah mengambil tempat yang penting sekali.

Bentuk Pelajaran Dewasa Asas yang di-nyatakan itu sedikit sa-banyak telah juga ada di-jalankan di-negeri kita ini seperti Bahagian Pelajaran Dewasa mengadakan kelas Pelajaran Rendah (Memberantas Buta Huruf), Jabatan Pertanian, Jabatan Perubatan dan mungkin Jabatan2 yang lain.

Perbedaan Pelajaran Dewasa Formal dengan Pelajaran Dewasa Asas. Pelajaran Dewasa Formal di-adakan sabahagian besar-nya terdiri dari yang tahu apa-kah kekurangan mereka atau apa-kah yang tiada ada kepada mereka, tetapi kemahuan di-bahagian Pelajaran Dewasa Asas tidaklah sa-berapa yang di-rasai oleh Pelajaran Dewasa Formal itu, kebanyakan usaha2 di-Pelajaran Dewasa Asas ini bagaimana chara2 membujuk supaya memperolehi kejayaan bagi penubuhan sa-suatu kelas tersebut. Chara2 ini-lah perlu kita memperolehi-nya bagi membuat sa-suatu penyelesaian. Mungkin juga termasuk mengadakan peruntukan-nya.

(Di-sambong minggu depan)

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkecayaan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Pulis.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 mesti-lah terdiri daripada orang2 lelaki berumur 21 tahun ka-atas dan mempunyai sijil L.C.E. dalam aliran Inggeris. Mesti-lah mempunyai beberapa tahun pengalaman dalam pengurusan perkakas2 teknikal terutama alat2 electronic dan alat2 pengganti untuk radio.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 —

Sa-bagai Ketua Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang berkecayaan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Telekom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sabua badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 3 EB 4 — \$1000 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Mereka yang telah dahulu memohon jawatan ini tidak perlu memohon lagi.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 16hb. Mei, 1972.

B\$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 6hb. Jun, 1972.

SA-BAGAI PEGAWAI AKHBAR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan Pegawai Akhbar di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Di-Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong, Brunei.

1. JURU MESHIN TINGKAT I (1 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sabua workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. TUKANG KAYU TINGKAT II (1 kosong)

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan. Pemohon2 mesti-lah boleh:

- menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksanakan kerja2 itu; dan
- menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untuk @ di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 3 — \$220 x5-\$240.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 Sulit mengenai pemohon bersama2 dengan satu chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 1hb. Jun, 1972.

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalu2 yang berkecayaan bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 untuk lantekan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengannya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 4hb. Jun, 1972.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja dengan sa-sabua akhbar harian bahasa Inggeris atau Melayu atau dengan Perchetakan Kerajaan atau dengan Sharikat Berita Kebangsaan atau pun mempunyai diploma dalam kewartawan daripada sa-sabua badan yang di-akui serta mempunyai 2 tahun pengalaman sa-bagai wartawan. Chalu2 yang berjaya di-kehendaki menyusun risalah2 penerangan dalam bahasa Inggeris dan Melayu serta menyunting skrip untuk siaran radio.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB / 1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 25hb. Mei, 1972.

DI-JABATAN ADAT ISTIADAT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikutan di-Jabatan Adat Istiadat Negara, Brunei.

1. PENYIMPAN ALAT2 KEBESARAN NEGARA (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur diantara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sa-banding dengannya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah bekerja di-Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tugas2:

Pemohon yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untuk pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

2. ATENDAN/PEMBERSEH (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur diantara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada chalu2 yang pernah menjadi Penyambut Tetamu dan mengangkat Bintang Patian, Dian dan lain2 di-dalam Majlis2 yang Beristiadat.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untuk pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1-2-3 EB 4-5 — \$180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

3. PEMANDU TINGKATAN I (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

(b) Pemohon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

(c) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Tugas2:

Pemohon yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untuk pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 4 — \$245 x5-260.

4. PENJAGA (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur diantara 30 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 — \$180 x5-195.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 12hb. Mei, 1972.

MENTERI2 PENDALAMAN ADA-LAH JENTERA KERAJAAN

(Dari muka 1)

Pegawai2 yang bertugas di-daerah2 ada-lah sa-harus-nya mempunyai hubungan yang rapat dengan raayat dan penduduk di-daerah2 itu dan sa-harus-nya pegawai2 yang bertugas di-daerah2 mengetahui sa-banyak2-nya akan keadaan, bukan saja di-bandar2 bahkan keadaan di-kampung2 dan di-pendalaman dalam daerah mereka.

Pengawasan mengenai dengan pelawat2 luar yang masuk ka-daerah, khas-nya ka-kampung2 dan ka-pendalaman, ada baik-nya diawasi dan perkara ini dapat dilakukan dengan membuat peratoran2 supaya ketua2 kampung, penghulu2, orang2 yang ternama dan menteri2 pendalaman yang bergelar, selalu dan senantiasa berhubung rapat dengan Pegawai2 Daerah sa-lain dari Pehin2, Cheteria2, Wazir2 yang berkenaan.

Ada pun ketua2 kampung, penghulu2 dan menteri2 pendalaman yang bergelar itu ada-lah merupakan jentera Kerajaan beta di-tiap2 daerah; merupakan tempat orang2 kampung mengadakan hal mereka yang mana ketua2 kampung, penghulu2 dan orang2 bergelar itu akan menyampaikan-nya kepada pihak2 yang berkenaan menurut saloran2 yang sehat, di-samping mereka ada-lah mengawasi akan keadaan di-kampung masing2, khas-nya jika ada perkara2 yang agak sumbang dan janggal pada pandangan mata atau gerak hati mereka ada-lah mustahak di-laporkan dengan sa-segera2-nya.

Kerajaan beta tidak-lah hanya menumpukan usaha2 perkembangan-nya di-bandar2, bahkan Kerajaan beta berhasrat supaya orang2 di-kampung2 dan di-pendalaman dapat bersama2 menikmati keme-

wahan negeri kita yang di-berkati Allah, Brunei Darussalam ini.

Maka pada melaksanakan laila hasrat dan chita2 Kerajaan beta itu, seluruh pegawai Kerajaan beta hendak-lah memahami-nya dan membuat penyesuaian2 mengenai-nya, dan hendak-lah selalu di-ingat bahawa raayat dan penduduk di-kampung2 dan di-pendalaman itu sangat-lah perlu di-berikan perhatian supaya tidak timbul angkara anggapan di-kalangan mereka bahawa mereka merupakan raayat dan penduduk yang tidak begitu di-pelihara dan di-perhatikan.

Sa-bagai tuturan madah kata

pepatah bidalan munasabah;

PERTAMA: pada berusaha ka-arah kebajikan hendak-lah memerlukan Fardhu 'Ain;

KE-DUA: mengetahui sedikit sa-banyak hukum2 Fiqah;

KE-TIGA: menggilir ilmu Tasawuf;

KE-EMPAT: tiap2 sa-buah kampung ada mempunyai sa-kurang2-nya sa-orang yang mengetahui Fardhu Kifayah;

KE-LIMA: tiap2 sa-buah kampung sa-kurang2-nya sa-orang yang mengetahui Hukum2 Fara'it;

KE-ENAM: berkalang-silangkan iman Islam yang tiang-nya lisan;

KE-TUJUH: mengikatkan peristawa yang berkurun2 lamanya dan pada merenungkan kebajikan untuk jauh kesejahteraan bagi hadapan.

Beta bertawakkal kepada Allah pada menyebutkan tuturan madah ajaran atau sebutan orang tua2, khas mengenai orang2 yang laila menganut Uagama Islam ya'ani orang2 laila Muslim pada mengakhiri Wallah-hu-waalam.

Dengan itu, sekian-lah. Terima Kasih.

MUSTAHAK FAKTOR MANUSIA DALAM KEMAJUAN NEGARA

(Dari muka 1)

majukan ekonomi2 mereka bagi faedah meninggikan taraf hidup raayat2 mereka.

"Usaha2 mereka itu ada juga yang mendatangkan kejayaan yang chemerlang, sementara sa-bahagian besar daripada mereka telah mengalami kegagalan," tegas beliau.

Tetapi yang aneh-nya, kata beliau lagi, ia-lah kebanyakan dari negara2 yang mencapai kejayaan itu ia-lah negara2 yang tidak begitu kaya dari segi sumber2 asli-nya, sedangkan di-antara mereka yang gagal itu banyak pula yang mempunyai bahan2 asli yang serba lumayan untuk memberikan kepada raayat mereka ke-

hidupan yang menchukupi di-dalam suasana yang penoh dengan kemuliaan.

"Pengalaman2 negara2 yang maju dan negara2 yang sedang membangun seperti yang saya huraikan tadi menunjukkan dengan jelas peri mustahak-nya faktor manusia di-dalam kemajuan negara," jelas beliau.

Kerajaan D.Y.M.M., kata beliau, sa-memang-nya menyedari akan hakikat ini, dan melalui ranchangan2 kemajuan negara, Kerajaan Baginda telah pun mengadakan kemudahan2 infrastruktur fiskal dan sosial serta dasar undang2 untuk memajukan raayat Baginda dan memudahkan lagi penyertaan mereka di-dalam proses kemajuan ekonomi dan sosial negara ini.

Kemudahan2 tersebut termasuk-lah ranchangan pelajaran dan persekolahan dimana semua raayat Baginda di-beri peluang untuk mendapat pelajaran perchuma dari peringkat rendah hingga-lah ka-peringkat yang sa-tinggi2-nya.

"Tetapi, kelayakan2 dan kemahiran2 yang tinggi lagi meluas tidak akan menchukupi untuk kemajuan ekonomi dan

sosial negara, kalau-lah kelayakan2 dan kemahiran2 itu tidak di-sertai dengan sifat2 yang sehat," tegas beliau.

Beliau sa-lanjut-nya berkata, supaya kelayakan2 dan kemahiran2 akan mendatangkan kesan dan faedah yang baik kepada negara, ia-nya hendak-lah di-sertai pula dengan sifat2 yang lain di-antara mana disiplin ada-lah amat besar maana-nya.

Walau pun demikian, beliau yakin bahawa pemuda2 di-dalam negeri ini juga mempunyai disiplin yang di-perlukan untuk kemajuan negara.

"Tertuboh-nya pasokan kadet di-sekolah itu, yang merupakan salah satu di-antara 7 pasokan di-sekolah2 di-negeri ini, ada-lah satu tanda yang menunjukkan bahawa di-negeri ini juga terdapat pemuda2 yang mempunyai sifat2 disiplin yang di-kehendaki ka-arrah satu masyarakat yang tabah dan berdikari pada menghadapi chabaran2 zaman kemajuan," kata beliau.

Akhir-nya beliau berharap supaya bilangan itu akan bertambah kerana kemajuan negara pada dasar-nya ada-lah dalam tangan pemuda pemudi-nya.

BALAI PULIS TUTONG SIAP

TUTONG. — Kerja2 pembenaan Balai Polis baru di-Pekan Tutong yang di-mulakan tahun lalu dengan menelan perbelanjaan \$482,000.00 sudah pun siap.

Perbelanjaan itu termasuk pembenaan barek bagi enam belas anggota yang beristeri, barek bagi anggota2 polis yang bujang, tempat meletak kereta dan kerja2 tambahan termasuk kerja2 pembersehan kawasan.

Balai Polis lama di-Pekan itu pada masa ini terletak di-sa-buah tempat di-bangunan pejabat2 kerajaan.

Sa-orang juruchapak Polis

berkata, anggota2 polis itu akan berpindah ka-bangunan baru sa-besarnya yang boleh.

Sementara itu, kerja2 pembenaan sa-buah kompleks Balai Polis di-Muara sedang berjalan lancar. Kira2 60% dari kerja2-nya telah di-jalankan dan seluruh kompleks itu di-ranchangan akan siap dalam bulan Disember akan datang.

Ia-nya akan mempunyai barek bagi anggota2 polis yang beristeri yang di-bena di-dua buah rumah pangsa dua tingkat.

Perbelanjaan kompleks itu ialah \$665,000.00

SAMBUTAN MAULUD DI-BELAIT

SERIA. — Kira2 lima ribu orang umat Islam dari 47 kumpulan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2 dan jabatan2 kerajaan di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam satu rapat di-Gelanggang Sokan Seria untuk merayakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. pada hari Ahad lepas.

Kumpulan2 itu mula2 berhimpun di-padang itu dan kemudian-nya berarak mengelilingi Pekan Seria sa-belum berhimpun semula di-padang itu. Perarakan itu di-mulakan dengan tembakan meriam sa-banyak dua belas das.

Ia-nya di-ketuai oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar dan ahli2 jawatankuasa perayaan Maulud Nabi.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah beruchap di-rapat itu dan Awang Yahya bin Haji Ibrahim telah beruchap bagi pihak Pengerua Jabatan Hal Ehwal Uagama.

Sharahan mengenai riwayat hidup Nabi Mohammad s.a.w. telah di-sampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Mohidin, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Uagama.

Pasokan2 pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei telah juga mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Malam Pesta Uagama telah juga di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-Kuala Belait sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan untuk merayakan Hari Keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. di-daerah itu.

Gambar bawah menunjukkan ketika perarakan mula berjalan.

